

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA SIRI 12/2024

Pasaran buruh Malaysia berkembang seiring momentum keseluruhan ekonomi negara, dipacu pertumbuhan 5.2 peratus pada sembilan bulan pertama tahun 2024

PUTRAJAYA, 24 DISEMBER 2024 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan **Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) Siri 12/2024**. Edisi ini memberi tumpuan kepada statistik terkini yang diterbitkan pada Oktober 2024 serta beberapa statistik akan datang untuk November 2024. Selain itu, edisi ini turut memuatkan artikel tambahan bertajuk “Statistik Jenayah dalam Pengukuran dan Pemantauan Kesejahteraan Sosial dan Ekonomi Negara” yang membincangkan kepentingan statistik jenayah Malaysia dalam menilai kesejahteraan sosial dan ekonomi. Artikel ini menekankan penjajaran data jenayah dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), khususnya Matlamat 16, untuk menggalakkan keamanan, keadilan, dan institusi yang teguh.

Dalam laporan terkini, *Asian Development Bank* (ADB) mengunjurkan pertumbuhan stabil pada 4.9 peratus bagi negara membangun Asia pada tahun 2024. Namun, pertumbuhan bagi tahun 2025 diramal lebih perlahan kepada 4.8 peratus. Ini menandakan prospek ekonomi yang lebih perlahan berbanding pertumbuhan kukuh yang dicatatkan pada tahun 2023 dan 2024. Laporan ADB menyoroti kestabilan ekonomi semasa dan keperluan berhati-hati tentang cabaran yang mungkin dihadapi pada tahun yang akan datang. Unjuran ini memberi gambaran tentang cabaran yang berpotensi menjelaskan pertumbuhan dalam masa terdekat.

Dari segi prestasi ekonomi Malaysia, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, “Ekonomi Malaysia mengekalkan pertumbuhan kukuh pada tiga suku tahun pertama 2024, berkembang 5.2 peratus dari Januari hingga September. Ini menunjukkan peningkatan ketara berbanding pertumbuhan 3.8 peratus yang dicatatkan dalam tempoh yang sama pada tahun 2023. Prestasi

memberangsangkan ini mencerminkan daya tahan yang berterusan walaupun menghadapi ketidaktentuan global dan dilihat sebagai petanda positif untuk kestabilan ekonomi negara. Oleh itu, ekonomi Malaysia berada pada landasan kukuh untuk pembangunan yang berterusan sepanjang tahun 2024."

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) meningkat 2.1 peratus tahun ke tahun pada Oktober 2024, sedikit perlahan berbanding 2.3 peratus pada September. Pertumbuhan ini dipacu oleh sektor Pembuatan (3.3%) dan Elektrik (2.5%), manakala sektor Perlombongan menyusut 2.8 peratus. Dari segi bulanan, IPP meningkat semula dengan pertumbuhan 1.7 peratus.

Pada masa yang sama, sektor Pembuatan mencatatkan peningkatan jualan 3.0 peratus tahun ke tahun, mencapai RM161.3 bilion pada Oktober 2024. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh subsektor Makanan, Minuman & Tembakau, yang melonjak 11.2 peratus. Walau bagaimanapun, jualan bulanan menurun 0.6 peratus berbanding September 2024. Ini menunjukkan prestasi yang bercampur bagi sektor tersebut dalam jangka masa pendek. Meskipun demikian, pertumbuhan tahunan mencerminkan kekuatan berterusan dalam bidang utama sektor Pembuatan.

Melihat kepada sektor Perkhidmatan secara keseluruhan, industri Perdagangan Borong & Runcit terus memperlihatkan prestasi yang menggalakkan pada Oktober 2024. Jualan mencapai RM150.1 bilion, meningkat 5.5 peratus berbanding tahun sebelumnya. Perdagangan runcit mencatatkan pertumbuhan kukuh 7.1 peratus, manakala sektor Borong dan Kenderaan Bermotor turut menyumbang kepada pertumbuhan tersebut. Jualan bulanan meningkat 1.3 peratus, memberi isyarat kepada kestabilan yang berterusan.

Dari perspektif harga, inflasi di Malaysia menunjukkan sedikit peningkatan pada Oktober 2024. Kadar inflasi meningkat kepada 1.9 peratus, berbanding 1.8 peratus pada September. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh kenaikan harga dalam Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barang & Perkhidmatan (3.4%) serta Makanan & Minuman (2.3%). Beberapa kumpulan utama seperti Restoran & Perkhidmatan Penginapan (2.8%) dan Pengangkutan (0.7%) merekodkan peningkatan yang lebih perlahan, manakala kumpulan lain seperti Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain, serta Pendidikan kekal tidak berubah. Sementara itu, sektor Maklumat & Komunikasi dan Pakaian & Kasut mengalami penurunan pada bulan tersebut.

Beralih kepada prestasi perdagangan luar Malaysia, prestasi perdagangan negara kekal stabil pada Oktober 2024, dengan jumlah dagangan meningkat 2.1 peratus

tahun ke tahun untuk mencapai RM244.3 bilion. Eksport mencatatkan peningkatan sederhana 1.6 peratus, berjumlah RM128.1 bilion, manakala import meningkat 2.6 peratus kepada RM116.1 bilion. Meskipun lebahan dagangan merosot 7.6 peratus kepada RM12.0 bilion, data bulanan menunjukkan prestasi yang lebih positif dengan eksport, import, dan jumlah dagangan masing-masing meningkat 3.7 peratus, 4.8 peratus, dan 4.2 peratus. Pada November, jumlah dagangan terus berkembang 2.9 peratus, mencapai RM237.8 bilion, didorong oleh lebahan dagangan RM15.3 bilion.

Memberikan gambaran lebih lanjut mengenai pasaran buruh Malaysia, beliau menekankan bahawa, "Pasaran buruh Malaysia meneruskan momentum positif dalam pertumbuhan tenaga kerja. Tenaga buruh meningkat 1.7 peratus, daripada 16.97 juta pada Oktober 2023 kepada 17.27 juta, mendorong Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) naik kepada 70.5 peratus. Tenaga buruh juga menunjukkan peningkatan, dengan kenaikan 1.9 peratus kepada 16.72 juta. Dari segi bulanan, tenaga buruh meningkat sedikit 0.1 peratus, dan penduduk bekerja menokok 0.2 peratus. Kadar penganguran pula kekal tidak berubah pada 3.2 peratus, seperti pada September 2024"

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan bahawa Indeks Pelopor (IP) Malaysia mencatatkan kenaikan 1.5 peratus tahun ke tahun pada Oktober 2024, meningkat kepada 111.1 mata berbanding 109.5 mata pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, indeks mengalami penurunan marginal bulan ke bulan pada 0.4 peratus. Trend jangka panjang menunjukkan IP turun di bawah 100.0 mata, menandakan bahawa ekonomi Malaysia dijangka berkembang dengan sederhana pada awal tahun 2025.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan". DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
24 DISEMBER 2024**

MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

MALAYSIA ECONOMIC STATISTICS REVIEW, VOLUME 12/2024

The rise in Malaysia's labour market reflects the country's overall economic momentum, propelled by a 5.2 per cent growth in 2024's first nine months

PUTRAJAYA, 24TH DECEMBER 2024 – Today, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the ***Malaysian Economic Statistics Review (MESR), Volume 12/2024***. This edition focuses on the recent statistics released in October 2024 and some forthcoming statistics for November 2024. Furthermore, this edition features an additional article titled “Crime Statistics in Measuring and Monitoring Social and Economic Well-Being of the Nation” which discusses the importance of Malaysia's crime statistics in evaluating social and economic well-being. It emphasises the alignment of crime data with the SDGs, particularly Goal 16, to promote peace, justice, and strong institutions.

In a recent update, the Asian Development Bank (ADB) has projected a steady growth of 4.9 per cent for Developing Asia in 2024. However, the growth forecast for 2025 suggests a slight easing to 4.8 per cent. This marks a slower economic outlook as against a strong growth observed in 2023 and 2024. The ADB's report highlights both current economic stability and caution for the upcoming year. The forecast reflects potential challenges to growth in the near future.

In terms of Malaysia's economic performance, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mentioned, “Malaysia's economy sustained a strong growth in the first three quarters of 2024, expanding by 5.2 per cent from January to September. This signifies a notable improvement from the 3.8 per cent growth recorded during the same period in 2023. The robust performance reflects continued resilience despite global uncertainties and seen as a positive sign for the country's economic stability. Hence, Malaysia's economy is poised for steady development as 2024 progresses.”

The Industrial Production Index (IPI) posted 2.1 per cent year-on-year in October 2024, easing slightly from 2.3 per cent in September. The growth was driven by Manufacturing

(3.3%) and Electricity (2.5%), while Mining declined at 2.8 per cent. On a monthly basis, the IPI bounced back with a growth of 1.7 per cent.

Simultaneously, the Manufacturing sector recorded an increase of 3.0 per cent year-on-year in sales, to RM161.3 billion in October 2024. The growth was primarily fuelled by Food, Beverages & Tobacco sub-sector, surging at 11.2 per cent. Despite this, the monthly sales declined by 0.6 per cent as compared to September 2024. This indicates a mixture performance for the sector in the short term. Nonetheless, the annual growth highlights ongoing strength in key areas of manufacturing.

Looking at the broader picture of Malaysia's Services sector, the Wholesale & Retail Trade industry showed a persistent growth in October 2024. Sales reached RM150.1 billion, a 5.5 per cent increase from the previous year. Retail trade saw a strong growth of 7.1 per cent as well as Wholesale and Motor vehicle sales also contributed to the growth. Monthly sales were up by 1.3 per cent, signalling continued stability.

On the prices perspective, inflation in Malaysia saw a slight uptick in October 2024. The inflation rate rose to 1.9 per cent, up from 1.8 per cent in September. The increase was largely influenced by higher prices in Personal Care, Social Protection & Miscellaneous Goods & Services (3.4%) and Food & Beverages (2.3%). Several items, such as Restaurant & Accommodation Services (2.8%) and Transport (0.7%), recorded slower growth, while others namely Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels, and Education remained unchanged. Meanwhile, Information & Communication and Clothing & Footwear declined during the month.

Moving on to the Malaysia's external trade performance, the country's trade performance remained steady in October 2024, with total trade grew by 2.1 per cent year-on-year to reach RM244.3 billion. Exports saw a modest rise of 1.6 per cent, totalling RM128.1 billion, while imports grew by 2.6 per cent to RM116.1 billion. Despite a 7.6 per cent dip in the trade surplus, which stood at RM12.0 billion, month-on-month figures were more promising, with exports, imports, and total trade rising by 3.7 per cent, 4.8 per cent, and 4.2 per cent, respectively. In November, total trade expanded further by 2.9 per cent, reaching RM237.8 billion, bolstered by a trade surplus of RM15.3 billion.

Providing more insight into Malaysia's labour market, he emphasised that, "Malaysia's labour market continued its positive momentum in the workforce growth. The labour force expanded by 1.7 per cent, rising from 16.97 million in October 2023 to 17.27 million, pushing the labour force participation rate (LFPR) up to 70.5 per cent. Employment also saw a boost, with a 1.9 per cent increase to 16.72 million. On a month-on-month basis, the labour force grew slightly by 0.1 per cent, and employed persons

rose by 0.2 per cent. Meanwhile, the unemployment rate was unchanged at 3.2 per cent, as in September 2024."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin highlighted that Malaysia's Leading Index (LI) saw a 1.5 per cent year-on-year increase in October 2024, rising to 111.1 points from 109.5 points a year earlier. However, the index experienced a marginal month-on-month decrease of 0.4 per cent. The long-term trend showed the LI dipping below 100.0 points, signalling that Malaysia's economy is anticipated to grow moderately in the early months of 2025.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
24th DECEMBER 2024**